

SEJARAH KEHADIRAN IMIGRAN CINA DAN PENGARUHNYA TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT TEMPATAN DI SANDAKAN (1881-1941)

History of Chinese Immigrants Arrival and Their Influence on The Socio-Economic Development of Local Communities in Sandakan (1881-1941)

Amirah Firzana Nadhra Mahalay@Mahali¹
Nur Fardha Ayu Jusnih²

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah

¹*Mirafrzn15--@gmail.com*

²*fardhaayu@gmail.com*

Dihantar: 29 Mei 2024 / Diterima: 11 Sept 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Kajian ini berfokuskan terhadap pengaruh kehadiran imigran Cina semasa tahun 1881 hingga 1941 dalam perkembangan sosioekonomi di Sandakan. Semasa Borneo Utara berada di bawah pentadbiran British, terdapat pelbagai skim dilaksanakan bagi menggalakkan imigran Cina masuk ke Sandakan untuk memenuhi tenaga buruh di estet dan ladang. Hal ini kerana pihak British berpendapat bahawa buruh Cina sesuai untuk diambil sebagai tenaga buruh kerana bukan sahaja disebabkan oleh sikap mereka yang rajin bekerja bahkan British juga berpendapat bahawa mereka akan memperolehi keuntungan daripada kutipan duti dan cukai operasi perniagaan judi dan candu kerana orang Cina mempunyai tabiat berjudi, candu dan meminum arak. Selain daripada memenuhi keperluan ekonomi British, terdapat juga imigran Cina yang masuk di Borneo Utara sebagai peniaga (Towkay), pemodal dan mubaligh. Justeru itu, terdapat tiga objektif kajian iaitu menelusuri latar belakang kehadiran imigran Cina di Sandakan tahun 1881 sehingga tahun 1941, menjelaskan keterlibatan dan sumbangan imigran Cina dari aspek sosioekonomi di Sandakan tahun 1881 sehingga tahun 1941 serta menganalisis impak pengaruh imigran Cina terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan pada tahun 1881 sehingga tahun 1941. Bagi mengukuhkan penulisan ini maka pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan kaedah sorotan literatur. Kajian ini menunjukkan terdapat beberapa

bentuk keterlibatan dan sumbangan imigran Cina di Sandakan seperti kemunculan sekolah Cina, syarikat Cina dan kewujudan rumah ibadah seperti tokong. Secara tidak langsung, telah membawa beberapa impak pengaruhnya terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan seperti perubahan budaya melalui perkahwinan campur, pertumbuhan populasi masyarakat, perubahan ekonomi masyarakat tempatan.

Kata Kunci: Imigran, Cina, Sandakan

Abstract

This study focuses on the influences of Chinese immigrants between 1881 and 1941 on the socio-economic development of Sandakan. During the British administration of North Borneo, various schemes were implemented to encourage Chinese immigrants to settle in Sandakan to meet the demand for labor in plantations and estates. The British regarded Chinese laborers as suitable due to their industrious nature and the potential financial gains from gambling and opium businesses. This is because these activities linked to the habits of the Chinese community, such as gambling, opium consumption, and alcohol use can generate revenue through duties and taxes on these activities. In addition to fulfilling the British economic needs, some Chinese immigrants arrived in North Borneo as traders (towkay), financiers, and missionaries. Consequently, this study has three main objectives which is to trace the background of Chinese immigration to Sandakan from 1881 to 1941, to explain their involvement and contributions to Sandakan's socio-economic aspects during the same period, and to analyze the influence of Chinese immigrants on the socio-economic development of the local community in Sandakan between 1881 and 1941. To strengthen the analysis, the researcher adopts a qualitative approach using library research and literature review methods. Findings reveal that Chinese immigrants contributed significantly to socio-economic development in Sandakan, including the establishment of Chinese schools, businesses, and places of worship such as temples. Indirectly, their presence also influenced the local community through cultural changes brought by intermarriages, population growth, and shifts in the local economy. This study highlights the pivotal role of Chinese immigrants in shaping the socio-economic landscape of Sandakan during this period.

Keywords: *Immigrants, Chinese, Sandakan*

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

Pengenalan

Residensi Sandakan merupakan sebuah bandar di Borneo Utara yang mengeluarkan hasil komoditi terbaik bagi sektor pembalakan dan perladangan. Namun di sebalik hasil ini, adanya kehadiran imigran-imigran asinglah yang telah membantu dalam mengembangkan industri dalam sektor ekonomi khususnya imigran masyarakat Cina. Melihat kepada sejarah awalnya, imigran Cina telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada penduduk yang menetap di Borneo Utara sebelum kehadiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) lagi. Kehadiran awal masyarakat Cina di Sandakan dapat dilihat melalui rekod terawal menunjukkan ekspedisi orang Cina yang sepatutnya ke Kepulauan Timur telah tiba di Sungai Kinabatangan pada tahun 1292 (Low, 1880). Selain itu, imigran Cina ini dipercayai merupakan keturunan migran Cina yang berhijrah dari Singapura pada tahun 1858 (Maureen De Silva & Nursyazwani Edinin, 2021). Di samping itu, Menurut Supriya Bhar (1979) pula, ketika William Pryer pertama kali tiba di Kampung German, beliau mendapati bahawa terdapat 17 rumah dan 1 pedagang Cina di kampung tersebut. Populasi ini meningkat dari 698 orang pada Disember 1879 kepada 1200 orang pada Jun 1881. Menurutnya lagi, populasi ini adalah campuran daripada orang Cina dan orang Sulu yang merupakan dua komuniti terbesar di Sandakan. Semasa pentadbiran SBUB di Borneo Utara, migrasi masyarakat Cina secara besar-besaran ke Borneo Utara telah berlaku khususnya di Sandakan. Menurut Lee Yong Leng, terdapat dua tahap migrasi besar-besaran orang Cina ke Borneo (Lee, 1965). Migrasi pertama pada tahun 1850-an oleh pelombong emas dan peladang Cina di Bau, Sarawak manakala migrasi kedua berlaku pada tahun 1881 di Borneo Utara untuk mengisi kekurangan tenaga buruh. Oleh itu, artikel ini mengupas tentang pengaruh kehadiran imigran Cina semasa tahun 1881 hingga 1941 dalam perkembangan sosioekonomi di Sandakan.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan rekod-rekod sejarah, pengaruh masyarakat Cina sudah lama ada di Sandakan seperti aktiviti perdagangan sarang burung di Kinabatangan. Namun begitu, kajian terhadap sejarah Sandakan lebih tertumpu kepada perkembangan pentadbiran Sandakan. Penglibatan dan peranan imigran Cina di wilayah ini kurang diketengahkan walaupun

mereka memainkan peranan penting dalam mencorakkan perkembangan sosioekonomi di Borneo Utara. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting untuk mengangkat sejarah orang Cina di Sandakan terutamanya dari aspek keterlibatan dan pengaruh imigran Cina dalam sosioekonomi di wilayah tersebut. Oleh itu, melihat kepada kekurangan tersebut, kajian ini hadir dengan satu permasalahan utama iaitu sejarah imigran Cina dan pengaruhnya terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan pada tahun 1881 sehingga tahun 1941. Berdasarkan pernyataan di atas, terdapat tiga persoalan terbina. Antaranya, permasalahan yang pertama ialah bagaimana latar belakang kehadiran imigran Cina di Sandakan pada tahun 1881 sehingga tahun 1941, apakah keterlibatan dan sumbangan imigran Cina di Sandakan pada tahun 1881 sehingga tahun 1941. Akhir sekali ialah apakah impak pengaruh imigran Cina terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan pada tahun 1881 sehingga tahun 1941.

Kehadiran Imigran Cina di Sandakan (1881-1941)

Pada awalnya, Sandakan tidak memiliki sebarang tanaman yang boleh dikomersialkan kerana keadaan tanah yang tidak sesuai. Tambahan pula, kejatuhan harga gula secara drastik menyebabkan operasi penanaman gula di wilayah ini tidak dapat dijalankan. Oleh itu, L. S. Von Donop telah memberi galakkan kepada Sanders untuk menanam tembakau kerana hasilnya dapat dijadikan sebagai tanaman domestik (Noin, 2011). Perkara ini memberi idea kepada Sanders untuk melakukan beberapa percubaan di kawasan berhampiran selatan Sandakan dengan menanam biji tembakau asli Sumatera. Hasilnya, cubaan ini telah membawa kejayaan yang besar sehingga terdapat ladang-ladang tembakau dibuka berhampiran Sandakan, Teluk Marudu, Lahad Datu dan lain-lain pada tahun 1884. Walaupun begitu, satu permasalahan telah timbul di mana berlakunya kekurangan tenaga buruh. Setelah kejatuhan harga tembakau, pihak SBUB seterusnya telah mencuba untuk menanam getah dan balak. Pembukaan sektor perladangan dan pembalakan telah menarik minat imigran Cina untuk bermigrasi ke wilayah ini. Dalam masa yang sama, pihak SBUB juga memerlukan tenaga buruh untuk mengisi keperluan buruh dalam ladang dan estet. Oleh itu, beberapa skim dan sistem telah dilaksanakan bagi membawa masuk buruh, antaranya Skim Medhurst, Sistem Kapitan Cina, Sistem Kontrak Indentur Cina, Sistem Kontrak Lokal, Sistem Persatuan Missionari Basel dan Skim Free Passage.

i. Skim Medhurst

Pada tahun 1881, sebuah skim merekrut buruh telah diperkenalkan iaitu Skim Medhurst. Melalui skim Medhurst ini, buruh Cina dapat direkrut tanpa ada campur tangan broker tempatan. Sebanyak lima penghantaran imigran Cina ke Borneo Utara telah berjalan melalui skim ini di mana sebanyak 1,000 orang imigran Cina Kantonis telah berhijrah ke Kudat dan Sandakan (James, 2020). Tujuan skim ini juga adalah untuk menggalakkan ahli perniagaan melabur di Borneo Utara (Borneo Travel News, 1990). Namun begitu, skim ini tidak mencapai kejayaan yang sepenuhnya kerana ramai imigran Cina telah direkrut tanpa mengetahui latar belakang kemahiran dan kesesuaian mereka sama ada boleh menjalankan pertanian di kawasan hutan tropika ataupun tidak. Pada akhirnya, imigran ini banyak membuka kedai di sekitar Sandakan.

ii. Sistem Kapitan Cina

Pihak SBUB telah menggunakan institusi Kapitan Cina sebagai perantara pihak SBUB dan orang Cina. Pada bulan April 1887, pelantikan pertama Kapitan Cina ialah Fung Ming Shan yang merupakan seorang pemilik kedai di Sandakan (Danny Wong, 2001). Beliau adalah seorang Cina Kantonis yang masuk melalui skim Medhurst ke Borneo Utara pada tahun 1882. Melalui sistem kapitan ini, beliau telah menonjolkan dirinya sebagai pemimpin orang Cina yang mengangkat kesejahteraan masyarakat. Beliau juga merupakan penderma dana di mana sebuah tokong telah dibina pada tahun 1887 iaitu tokong Sam Sing melalui derma beliau. Beliau juga merupakan pengurus Lembaga Penasihat Cina dan telah membawa masuk imigran Cina di Sandakan pada tahun 1890 (Mohd Taufiq Jumat, 2015).

iii. Sistem Kontrak Indentur Cina

Selain itu, sebuah agensi pengrekutan buruh Cina yang telah dibangunkan untuk memudahkan pengurusan masuk buruh imigran Cina ke Borneo Utara. Melalui sistem kontrak indentur cina, buruh-buruh cina dari Hong Kong telah direkrut. Namun begitu, sistem indentur yang diterapkan di banyak koloni mendapat kritikan antarabangsa daripada gerakan penghapusan perhambaan (abolitionist). Hal ini disebabkan oleh hukuman kejam yang dikenakan serta kadar kematian buruh yang semakin meningkat, sehingga sistem ini dianggap sebagai satu bentuk perhambaan terselindung (Northrup, 1995). Pengurus ladang di Borneo

Utara yang bergantung sepenuhnya pada tenaga buruh indentur Cina dari Singapura dan Hong Kong turut terkesan dengan keputusan tersebut. Apabila undang-undang pemansuhan buruh indentur Cina dikuatkuasakan, perekutan buruh kontrak indentur di Borneo Utara hanya dibenarkan dari Singapura dan Hong Kong sehingga 30 Jun 1914 (Maureen de Silva, 2009). Oleh itu, apabila Pejabat Kolonial di Negeri-negeri Selat menghentikan pengambilan buruh Cina berdasarkan sistem indentur, Borneo Utara juga menamatkan penggunaan sistem ini untuk pengambilan buruh Cina.

iv. Sistem Kontrak Lokal

Kontrak Lokal adalah kontrak perekutan buruh yang diperkenalkan oleh SBUB pada tahun 1915 namun ianya mula dikuatkuasakan pada tahun 1916 (Tregonning, 2007). Kontrak ini merupakan perjanjian bertulis yang dikhatuskan untuk buruh asing yang menandatangani perjanjian kerja di Borneo Utara. Sekiranya buruh asing direkrut secara persendirian oleh agen perekutan tanpa penglibatan British (walaupun mereka direkrut dari Pulau Jawa, Singapura, Tanah Melayu, atau Hong Kong), sebarang kontrak yang ditandatangani di luar Borneo Utara akan dianggap tidak sah oleh SBUB (NBCA, 1916). Melalui sistem kontrak lokal, buruh imigran akan bekerja selama 300 hari serta mendapat bantuan perkhidmatan perubatan, perumahan, dan pelayaran secara percuma (Maureen de Silva, 2011). Buruh-buruh ini juga akan diberikan tanah sekitar dua ekar selepas kontrak kerja tamat. Pada tahun 1911, seramai 3,736 orang buruh imigran Cina yang dibawa masuk ke Borneo Utara.

v. Skim Persatuan Missionari Basel

Pihak SBUB juga telah memperkenalkan skim kemasukan buruh imigran melalui skim Persatuan Missionari Basel. Persatuan Missionari Basel telah dipilih sebagai ejen yang mana merupakan hasil daripada tajaan saudara mara mereka iaitu komuniti Cina Hakka Kristian. Melalui skim ini, kebanyakan imigran Cina yang dibawa masuk adalah berasal daripada wilayah Guangdong, China. Pihak SBUB menggalakkan kemasukan Orang Cina Hakka Kristian kerana mereka sangat mahir dalam pertanian dan banyak terlibat dalam aktiviti perindustrian di Borneo Utara (James, 2020). Kebanyakan imigran Cina yang masuk melalui skim ini telah ditempatkan di kawasan pantai barat Borneo Utara seperti Inanam, Telipok, dan Tuaran.

vi. Skim Free Passage

Pada tahun 1921 skim *free passage* telah diperkenalkan di Borneo Utara. Skim ini adalah lebih mudah berbanding skim-skim yang lain kerana pihak SBUB tidak terlibat dalam kemasukan imigran Cina ini sebaliknya imigran Cina sendiri yang menentukan cara mereka untuk masuk ke Borneo Utara. Proses untuk mendapatkan skim ini ialah pihak SBUB akan menawarkan pas bermastautin di Borneo Utara kepada mana-mana imigran Cina yang mempunyai tanah tidak lebih daripada 25 ekar (Maureen & Syaeib, 2021). Pas boleh diperolehi di pegawai daerah dan pas tersebut perlu diberikan kepada saudara mara yang ingin masuk secara percuma ke Borneo Utara. Setelah itu, individu berkenaan perlu melaporkan diri dengan membawa pas tersebut di salah satu ejen syarikat di Hong Kong sebelum dihantar ke Borneo Utara. Walaupun begitu, jumlah imigran Cina yang datang sebagai peneroka tanah telah melebihi buruh imigran Cina pada tahun 1920.

Selain daripada skim-skim yang ditawarkan oleh pihak SBUB dan Persatuan Missionari Basel, terdapat juga sebahagian imigran Cina yang datang secara sukarela ke Borneo Utara. Golongan imigran Cina ini adalah golongan yang kuat melaksanakan kegiatan dakwah keagamaan yang banyak menduduki di kawasan pantai timur Borneo Utara (Tate, 1996).

Keterlibatan dan Sumbangan Imigran Cina di Sandakan Pada Tahun 1881 Sehingga Tahun 1941

Kehadiran imigran Cina di Sandakan pada tahun 1881 hingga 1941 memainkan peranan penting dalam perkembangan sosioekonomi kawasan ini. Kedatangan mereka bukan sahaja memenuhi keperluan tenaga buruh di estet dan ladang, tetapi juga menyumbang sebagai peniaga, pemodal, dan tokoh masyarakat. Melalui keterlibatan mereka, pelbagai institusi seperti sekolah Cina, syarikat perniagaan, dan rumah ibadah berjaya didirikan, yang secara langsung memperkayakan landskap ekonomi dan budaya Sandakan. Selain itu, interaksi mereka dengan penduduk tempatan turut membawa perubahan kepada struktur sosial dan ekonomi masyarakat setempat, menjadikan imigran Cina sebagai salah satu elemen penting dalam sejarah pembangunan Sandakan.

i. Perayaan Masyarakat Cina

Sebagaimana yang diketahui, imigran Cina juga mempunyai perayaan yang menjadi tradisi untuk diadakan pada setiap tahun. Perayaan ini bukan sahaja mengukuhkan identiti budaya tetapi juga memperkayakan kehidupan sosial komuniti setempat. Maka dengan itu, terdapat beberapa jenis perayaan Cina yang sering dijalankan seperti perayaan Tahun Baru Cina, perayaan *Chinese Dragon* dan perayaan Tam Kung Yeh di mana mencerminkan penghormatan mereka terhadap tradisi dan nilai-nilai leluhur. Sambutan ini sering melibatkan masyarakat setempat melalui acara kebudayaan yang menjadi platform untuk mengeratkan hubungan antara kaum.

Masyarakat Cina sangat sinonim dengan perayaan Tahun Baru Cina. Perayaan ini pertama kali diadakan pada 11 Februari 1880 oleh residen William Pryer di Sandakan. Menurut Supriya Bhar (1980), perayaan ini akan dimulakan dengan tiga tembakan di pelabuhan Pryer. Walaupun populasinya hanya sekitar 500 orang sahaja pada ketika itu, namun pihak SBUB memberi kebenaran kepada orang Cina untuk merayakannya. Kebiasaannya, pada hari perayaan tahun baru Cina, masyarakat Cina akan menyalakan tanglung dan sembahyang di tokong. Setelah itu, kemeriahahan perayaan ini diiringi dengan tarian singa dan akan melawat dari rumah ke rumah. Pada tahun 1883 pula, Fung Ming Shan dan Chan Ah Chee telah menaja persembahan terbuka teater Cina untuk memeriahkan perayaan ini. Suasana malam di Sandakan akan dipenuhi dengan bunyi letupan mercun dan juga dihiasi dengan nyalaan tanglung Cina yang digantungkan di luar rumah. Kedai-kedai Cina pula akan dihiasi dengan kain merah dan tulisan Cina berdakwat hitam. Pada keesokan harinya, perayaan ini dimeriahkan dengan persembahan tarian singa dan naga serta bunyi letupan mercun.

Perayaan *Chinese Dragon* pula selalunya diadakan pada pertengahan tahun di mana ia bertujuan untuk menghalau roh jahat keluar serta memohon kemakmuran untuk mendapatkan penyelesaian (Supriya Bhar, 1980). Dalam perayaan ini, 500 orang Cina berpakaian sutera akan membawa replika naga yang mana panjangnya mencapai 100 ela panjang. Replika naga ini mempunyai sisik hijau dan emas beserta kibaran bendera sutera yang bersulam serta diiringi dengan bunyi gong dan mercun. Pada waktu malam pula, perarakan ini akan diiringi dengan nyalaan api tanglung dan obor. Manakala perayaan Tam Kung Yeh diadakan bertujuan untuk menghormati Tam Kung Yeh atau pun dikenali sebagai Yuen Sie Tan (BNBH, 1905). Kebiasaannya, perayaan ini akan diadakan pada hari kelapan dalam bulan April yang

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

mana sama dengan tarikh hari lahir Buddha. Pada pagi hari tersebut, semua penduduk berbangsa Cina tidak kira umur akan pergi ke tokong Tam Kung untuk bersembahyang. Berdasarkan British North Borneo Herald (BNBH), perayaan ini pertama kali direkodkan pada tahun 1905. Kemeriahannya dapat dirasai melalui penerangan yang dijelaskan dalam BNBH tersebut;

About noon the gorgeous processions of the various Clubs and Clans with their banners, pagodas and trays piled with eatables of every description, began to converge towards the Government Offices, each heralded by the crashing of gongs the deafening rattle of drums, and the shrill, ear-piercing tones of the Chinese flute

(BNBH, 1905)

Pada hari perayaan tersebut, pejabat kerajaan dan syarikat swasta akan tutup separuh hari bagi memberi laluan kepada pekerja mereka yang berbangsa Cina untuk merayakannya.

ii. Pembinaan Rumah Ibadat

Sumbangan sosial masyarakat Cina di Sandakan pada tahun 1881 hingga 1941 dapat dilihat melalui pembinaan rumah ibadat yang menjadi pusat keagamaan dan sosial komuniti mereka. Rumah ibadat yang dibangunkan di Sandakan kebanyakannya adalah derma daripada komuniti Cina itu sendiri. Terdapat dua jenis rumah ibadat yang dibina oleh komuniti Cina iaitu tokong dan gereja kerana mereka terbahagi kepada dua agama iaitu agama Buddha dan Kristian. Tokong-tokong awal yang telah dibina di Sandakan adalah seperti Tokong Kun Yam (1868), Tokong Tam Kung (1885), dan Tokong Sam Sing Kung (1887). Manakala gereja yang telah dibina oleh masyarakat Cina di Sandakan adalah Gereja Basel (1908) dan True Jesus Church (1920) (Calvin, 2008).

Rumah ibadat bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menjalankan upacara keagamaan, seperti sembahyang kepada dewa-dewi dan upacara peringatan nenek moyang, tetapi juga menjadi pusat komuniti untuk aktiviti sosial, budaya, dan pendidikan. Pembinaan rumah ibadat mencerminkan keinginan masyarakat Cina untuk mengekalkan identiti budaya dan keagamaan mereka, selain

menyumbang kepada perpaduan dalam kalangan komuniti mereka. Lebih daripada itu, rumah-rumah ibadat ini turut membuka ruang untuk interaksi antara kaum, di mana penduduk tempatan berpeluang menyaksikan dan memahami tradisi serta adat istiadat masyarakat Cina. Sumbangan ini menjadikan rumah ibadat sebagai salah satu elemen penting dalam pembentukan identiti sosio-budaya Sandakan pada era tersebut.

iii. Pendidikan

Menurut Seah Soo Lin (2001), pembinaan sekolah Cina adalah satu cara untuk orang Cina mengidentifikasi diri mereka dan mengekalkan bahasa, budaya, dan nilai tradisional mereka di tempat baru. Masyarakat Cina di Borneo Utara berusaha untuk menubuhkan sekolah-sekolah Cina melalui sumbangan dan dana oleh kalangan masyarakat Cina itu sendiri. Semasa tempoh 1881 sehingga 1941, sekolah Cina terdiri daripada pelbagai aliran yang berbeza dan ditubuhkan oleh pelbagai kumpulan dialek Cina. Dalam pada itu, perkembangan pendidikan sekolah Cina terbahagi kepada pendidikan tradisional, pendidikan moden dan pendidikan Inggeris.

Sekolah Cina tradisional menekankan pendidikan dan silibus tradisional yang bertujuan untuk membangkitkan nilai kesedaran kebangsaan dan perpaduan pan-Cina dalam diri masyarakat Cina.

Jadual 1: Senarai Sekolah Tradisional Cina Pada Tahun 1910

Bil.	Nama Sekolah	Pengurus Sekolah	Bilangan Pelajar
1.	Misi Basel	Yap Hyen Mu	14
2.	North Borneo Chinese Primary	Loong Thou	47
3.	To Nam Hok Suk	Wong San Po	20
4.	T.D	Kung Yuk San	15
5.	Lam See Hok Hau	Mak Yung Chan	16
6.	Yeung Ching Hok Suk	Kwang Sing Pun	12
7.	Yon Yuk Su Sit	Yon Yuk Su Sit	46
8.	T.D	Kwang Kan Wong	4

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

9.	Chung See Ka Tez	Chin Chung Chiong	16
10.	T.D	Tsw Siong Kiam	16
11.	Yun Foh Su Sit	Chang Cheong	23
12.	Tung Foh Su Yen	Lee Choon Kin	21

*T.D: Tidak Dinyatakan

Sumber: Seah, S.L. (2001).

Jadual 1 menunjukkan 12 sekolah tradisional Cina di Sandakan yang telah direkodkan sehingga tahun 1910. Berdasarkan jadual ini, kebanyakan sekolah Cina adalah bersaiz kecil dan merupakan sekolah persendirian yang dibuka oleh guru itu sendiri. Malahan, nama sekolahnya juga mencerminkan bahawa ianya merupakan sekolah tradisional atau dikenali sebagai *sishu* dalam istilah bahasa Cina (Lin, 2001). Kebiasaannya, sekolah ini hanya bertahan dalam tempoh tidak lama kerana banyak guru *sishu* yang diambil dari China akan menerima tawaran bidang pekerjaan yang lebih baik. Di samping itu, sekolah-sekolah tradisional ini juga tidak mempunyai bangunan tetap dan lazimnya dibuat di dalam tokong (Danny Wong, 2005).

Pada tahun 1920-an, sekolah moden Cina telah dibina bagi menggantikan sekolah Cina tradisional di Borneo Utara. Peralihan pendidikan tradisional kepada pendidikan moden adalah didasari oleh perubahan yang berlaku di China. Secara dasarnya, pendidikan Xuetang adalah sebuah unit 'sekolah' yang menggabungkan kurikulum lama dan baru serta nilai budaya timur dan budaya barat. Dalam pada itu, sukatan pelajarannya selain menekankan kepada pengajaran teks klasik ianya juga memasukkan mata pelajaran baru seperti Geografi, Sejarah, Matematik dan Sains. Pada tahun 1912 pula, sistem sekolah tradisional dihapuskan atas dasar kerajaan republik ketika itu dan pendidikan sekolah terbahagi kepada tiga tahap utama iaitu pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Tambahan lagi, bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa pengantar bagi menggantikan penggunaan dialek Hakka.

Selain daripada sekolah tradisional dan sekolah moden, masyarakat cina juga mempunyai sekolah pendidikan Inggeris. Pendidikan inggeris diserahkan kepada komuniti mubaligh Cina. Terdapat 3 majoriti komuniti mubaligh yang mengendalikan pendidikan

Inggeris iaitu *Roman Catholics, Propagation of the Gospel* (SPG) dan *Basel Missionary* (Tregonning, 1958). Pada tahun 1883, Sekolah St. Mary Sandakan adalah sekolah pertama yang dibuka oleh komuniti Roman Catholic dengan seramai 5 orang pelajar lelaki. Seterusnya, komuniti SPG pula telah membuka sebuah sekolah perempuan yang dinamakan sekolah St Michael pada tahun 1888. Bukan itu sahaja, terdapat juga sekolah St Monica atau dahulunya dikenali sebagai St Michael's Girls' School telah dibina pada tahun berikutnya (Daily Express, 2002). Pada tahun 1912, pula sebuah sekolah Sung Siew telah dibina oleh komuniti gereja Basel dimana Rev. Fritz sebagai guru pertama dan merupakan seorang ahli persatuan missionari basel dari Austria yang turut dibantu oleh Rev. Yap Hien Mu iaitu guru Cina. Sekolah ini merupakan sekolah pertama yang diajar dalam bahasa Inggeris (Han, 1978). Sehingga tahun 1940, bilangan sekolah yang ditubuhkan di Borneo Utara dari ketiga-tiga komuniti mualigh ini adalah sebanyak 52 buah sekolah dengan bilangan pelajar mencapai 3918 orang pelajar.

Secara dasarnya, idea mengenai penubuhan pendidikan sekolah menengah Cina tercetus apabila pendidikan menengah Cina hanya boleh diperoleh diluar negara seperti Singapura, Hong Kong dan China. Namun begitu, kerana kos yang mahal dan gagal dalam permohonan pada sesi kemasukan menyebabkan banyak pelajar Cina berhenti persekolahan pada usia yang muda. Sekolah menengah Cina pertama yang dibina di Sandakan adalah sekolah menengah Chung Hwa iaitu pada tahun 1938 namun dinamakan semula kepada sekolah menengah Chung Hwa oleh persatuan Chinese Chamber of Commerce. Bukan itu sahaja, terdapat juga sekolah menengah lain yang ditubuhkan pada tahun 1939 iaitu Sekolah Menengah Tiong Hua tetapi ditutup pada tahun 1941 dan kemudiannya dibuka semula pada tahun 1955.

Impak Pengaruh Imigran Cina Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat Tempatan Di Sandakan Pada Tahun 1881 Sehingga Tahun 1941

i. Pendidikan

Imigran Cina memainkan peranan utama dalam memperkenalkan dan memajukan sistem pendidikan formal di Sandakan. Mereka mendirikan sekolah-sekolah seperti Sekolah St.Mary, Sekolah St. Michael, Sekolah Sung Siew dan sebagainya. Melihat kepada perkembangan ini, maka

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

penting untuk masyarakat tempatan melibatkan anak mereka dalam pendidikan untuk memperbaiki taraf kehidupan. Pendidikan yang ditawarkan bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat Cina tetapi juga membuka peluang kepada komuniti tempatan untuk mendapat akses kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran baru. Hal ini kerana keberadaan sekolah-sekolah ini membantu memupuk generasi muda yang berpendidikan, yang kemudian menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di Sandakan. Selain itu, nilai kerja keras, kecekapan, dan disiplin yang diterapkan dalam pendidikan masyarakat Cina turut mempengaruhi pemikiran masyarakat tempatan, mendorong mereka untuk menghargai pendidikan sebagai alat untuk mobiliti sosial dan peningkatan taraf hidup.

ii. Kesedaraan sosial

Kegiatan perjudian sudah tidak asing lagi di Sandakan dimana ia bermula sejak tahun 1890 oleh syarikat Bun Hin Long yang merupakan tender ladang perjudian di residensi ini. Ladang-ladang perjudian sebenarnya berkait rapat dengan ladang pajak gadai. Sebagai contoh, ladang pajak gadai mempunyai konsesi untuk membangun ladang perjudian di kawasan yang sama untuk memudahkan aktiviti perjudian dilakukan. Seseorang yang ingin berjudi akan memajak barang berharganya kepada token atau duit untuk berjudi. Pada tahun 1894, kedai pajak gadai Kwong Hong sahaja yang merupakan satu-satunya kedai pajak gadai di Sandakan. Walau bagaimanapun, aktiviti perjudian ini sebenarnya memberi kesan kepada sosial masyarakat. Pada tahun 1911, terdapat dua petisyen yang berkaitan telah ditandatangani oleh penduduk Cina dan komuniti muslim di Sandakan (Daily Express, 2000). Petisyen ini telah diterima oleh *British Secretary of State* iaitu mengenai larangan terhadap pembukaan ladang perjudian berlesen di residensi ini. Seramai 261 orang Muslim Sandakan juga turut menandatangani petisyen ini kerana masalah perjudian ini telah melanda komuniti muslim Sandakan. Antara pemimpin Muslim yang turut menandatangani perjanjian ini iaitu Panglima Jugol, Panglima Ejal, Maharaja Amping dan Orang Kaya Urit. Tambahan pula, petisyen ini adalah untuk menjelaskan penyakit sosial sebagai kesan negatif dari aktiviti perjudian ini. Sebagai contoh, anak perempuan dijual menjadi pelacur, kekalahan teruk sehingga banyak duit yang lesap. Tidak hanya itu, mereka yang terlibat dalam aktiviti perjudian ini juga adalah individu yang berhutang dan terikat dengan kontrak kerja yang mengakibatkan semakin lama

untuk melangsaikan hutang. Petisyen ini turut menuduh pihak kerajaan kerana memberikan lesen perjudian untuk mendapatkan keuntungan dari ladang perjudian.

iii. Perubahan Lokasi Perikanan

Perubahan lokasi perikanan di sekitar pulau-pulau kecil telah berpindah kepada pinggir pantai yang dekat dengan pusat ekonomi dan politik adalah dipengaruhi oleh permintaan pemodal Cina (Mosli, 2020). Pada awalnya, ekonomi perikanan tertumpu kepada hasil tangkapan tripang, mutiara, kulit penyu dan lain-lain namun ia beralih kepada ekonomi hasil ikan masin dan ikan kering kerana permintaan pemodal Cina. Namun begitu, hasil perikanan ini bukanlah berhenti sepenuhnya kerana ianya masih bergantung kepada permintaan pemodal Cina dan pembeli. Pada tahun 1890, nelayan tempatan adalah antara salah satu pengeluar ikan terbanyak dalam pasaran domestik. Sehingga tahun 1930, jumlah eksport ikan masin dan ikan kering di Borneo Utara adalah \$44 500 (Mercer, 1932).

iv. Pekebun Kecil Getah & Tembakau

Penggunaan sistem mata wang telah mendorong wujudnya pekebun-pekebun kecil oleh masyarakat tempatan. Walaupun bukanlah dalam jumlah yang banyak, akan tetapi terdapat laporan dimana buruh-buruh tempatan yang bekerja di estet tembakau dan getah telah mengusahakan ladang getah atau tembakau mereka sendiri secara kecil-kecilan (Koton, 2014). Pada awalnya, mereka menanam tembakau untuk memenuhi keperluan keluarga sahaja namun semasa pentadbiran SBUB komoditi tembakau dan getah mula dijual. Tidak hanya itu, impak daripada ledakan perkembangan ekonomi getah dan tembakau juga telah mendorong masyarakat tempatan untuk terlibat dalam pengeluar hasil komoditi ini dan mendapatkan keuntungan. Buktinya, 59 000 ekar daripada 133 000 ekar adalah milik pengusaha pekebun tempatan dalam tanaman getah pada tahun 1940 (Kahin, 1947). Hal ini menunjukkan, sektor perladangan yang dibuka oleh syarikat Eropah dan Cina telah membuka mata masyarakat tempatan untuk terlibat sama dalam sektor ini. Jelas bahawa, perkembangan penanaman getah dan tembakau telah memberi pengaruh kepada masyarakat tempatan untuk terlibat sama sebagai pekebun kecil getah. Dari sudut lain, pihak SBUB tidak menggalakkan masyarakat tempatan terlibat sebagai pekebun kecil getah dan tembakau ini sebaliknya hanya memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha estet yang lain. Hal yang demikian, pekebun-

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

pekebun kecil tidak mampu untuk menyaingi keuntungan dengan pengusaha estet tersebut. Perkara ini selari dengan dasar pihak SBUM untuk mengekalkan penduduk dalam mengerjakan aktiviti ekonomi tradisional sahaja. Impak kejatuhan harga getah juga telah memberi kesan kepada pekebun kecil kerana mereka dilarang untuk membuka tanah baru untuk menanam getah seperti mana yang tertakhluk dalam Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa (Siti Aidah, 2002).

v. *Towkays*

Impak pengaruh imigran Cina terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan pada tahun 1881 hingga 1941 amat jelas, terutamanya melalui peranan mereka sebagai peniaga atau "towkays." Kehadiran imigran Cina di Sandakan membawa perubahan besar dalam landskap perdagangan dan perniagaan tempatan. Sebagai peniaga, mereka menguasai hampir semua sektor perdagangan, dari perniagaan kecil hingga perusahaan besar, termasuk perniagaan runcit, pembekalan bahan mentah, dan industri pengangkutan (Danny Wong, 1998). Peniaga (towkays) ini tidak hanya terlibat dalam perniagaan tempatan, tetapi juga menghubungkan Sandakan dengan pasaran luar, terutamanya di Singapura, Hong Kong, dan tanah besar China, memacu ekonomi bandar tersebut. Imigran Cina yang menjadi *towkays* ini turut memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan, terutamanya dalam bidang perdagangan, peruncitan, dan pengangkutan. Dengan adanya perniagaan yang dijalankan oleh para *towkays*, ianya telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sebagai buruh, pemandu, atau pekerja kedai. Selain itu, para *towkays* ini juga memainkan peranan dalam memperkenalkan sistem mata wang yang lebih teratur, berbanding sistem barter yang digunakan oleh masyarakat tempatan sebelum itu. Kejayaan perniagaan yang dimiliki oleh komuniti Cina ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat tempatan yang terlibat dalam kegiatan ekonomi ini. Dengan penguasaan perniagaan oleh para *towkays* Cina, mereka telah memberi impak yang besar kepada perkembangan sosioekonomi Sandakan, menjadikannya pusat perdagangan yang maju di Borneo Utara pada masa itu.

Kesimpulan

Kajian mengenai sejarah kehadiran imigran Cina dan pengaruhnya terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan di Sandakan dari tahun 1881 hingga 1941 telah menunjukkan bahawa kehadiran imigran Cina memberi kesan yang mendalam terhadap aspek sosioekonomi di Sandakan. Berdasarkan objektif pertama yang menelusuri latar belakang kehadiran imigran Cina, kajian ini mendapatkan bahawa imigran Cina yang datang ke Sandakan terutamanya dari Selatan China telah memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan tenaga buruh di sektor ladang dan estet. Pada masa yang sama, mereka turut terlibat dalam pelbagai sektor lain, termasuk perdagangan dan keusahawanan, yang telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi di Sandakan. Keterlibatan dan sumbangan imigran Cina dalam aspek sosioekonomi di Sandakan pula menunjukkan bahawa komuniti Cina telah memberi sumbangan besar dalam perkongsian kebudayaan, pendidikan, dan pembinaan rumah ibadat meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Di samping itu, impak pengaruh imigran Cina terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan menyorot kepada perubahan ketara dalam struktur ekonomi dan sosial di Sandakan. Para imigran Cina yang terlibat dalam perniagaan sebagai *towkays* dan pemodal telah menggerakkan sektor perdagangan, memperkenalkan sistem ekonomi pasaran, serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Maka dengan itu, dapat disimpulkan bahawa imigran Cina telah memberi pengaruh yang signifikan dalam membentuk perkembangan sosioekonomi di Sandakan, yang akhirnya meletakkan Sandakan sebagai sebuah bandar perdagangan penting di Borneo Utara pada tempoh masa tersebut.

Senarai Rujukan

Dokumen Kerajaan

- North Borneo Central Archives*. File 480. Ordinance 9 of 1916. Arkib Negeri Sabah. Hlm. 588.
- Borneo Travel News*. 1990. History of Hakkas. 4 Oktober. Hlm. 20.
- British North Borneo Herald*. 1905. Chinese Festivities in Sandakan. 16 May. Arkib Negeri Sabah. Hlm. 49.
- Daily Express*. 2000. The Early Kapitan Cina of Sabah. 4 Disember. Hlm. 122.
- Daily Express*. 2002. St Monica in Need of RM 400,000. 19 Ogos. Hlm. 220.

*Sejarah Kehadiran Imigran Cina dan Pengaruhnya
Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat
Tempatan di Sandakan (1881-1941)*

Buku dan Jurnal

- Bhar, S. (1979). *Sandakan One Hundred Years 1879-1979*. Sandakan: Sandakan Town Board Centenary Celebration Committee.
- Bhar, S. (1980). Sandakan: Gun Running Village to Timber Centre, 1879-1979. *Journal of the Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, 53(1): 120-149.
- Calvin, Y. (2008). *Institutio Pengajaran Agama Kristen*. Jakarta: PT BPK Gunung Mulia.
- Han, S. F. (1978). Inter-Group Marriages Among Chinese Speech Groups in Sabah, East Malaysia: Continuity and Change. *Southeast Asian Journal of Social Science*. 6(1): 1-16.
- James, A. (2020). Sejarah Perjudian di Borneo Utara (1881-1941). *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 5(1): 105-118.
- Kahin, G. M. (1947). The State of North Borneo 1881-1946. *The Far Eastern Quarterly*. 7(1): 43-65.
- Koton, R. (2014). Sejarah Penglibatan Buruh Tempatan Dalam Sektor Perladangan di Borneo Utara: 1881-1941. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaysia Sabah: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.
- Lee, Y. L. (1965). The Chinese in Sabah (North Borneo) (Die Chinesen in Sabah (Nord Borneo)). *Erkunde*. 19(4): 306-314.
- Lin, S. S. (2001). Perkembangan Sekolah-Sekolah Cina di Borneo Utara/Sabah, 1888-1970: Suatu Tinjauan Dari Segi Sejarah. *Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Low, H. (1880). Selesilah (Book of the Descent) of The Rajas of Brunei. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5: 1-35.
- Maureen De Silva. (2009). Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914-1932, *Tesis Kedoktoran*. University of London: Department of History School of Oriental and African Studies.
- Maureen De Silva. (2011). Javanese Labour Migrants in British North Borneo, 1914-1932. *Bumantara: Journal of Social and Political Development*, Vol. 1, No. 1: 28-29.
- Maureen De Silva & Nursyazwani Edinin. (2021). Kapal Wap, Laluan Maritim dan Penghantaran Buruh Cina dan Jawa ke Borneo Utara, 1881-1941. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8): 293-307.

- Mercer, W. H. (1932). *Dominions Office and Colonial Office List*. Londons: Waterlow & Sons Limited.
- Mohd Taufiq Jumat. (2015). Perkembangan Pelabuhan dan Perdagangan di Sandakan (1883-1941). *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Universiti Malaysia Sabah: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.
- Mosli Tarsat. (2020). *Pembangunan Ekonomi Kelautan Pantai Timur Borneo Utara, 1704-1941*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Noin, J. (2011). Perkembangan Penanaman Getah di Sabah, 1892-1941. *Jurnal Sejarah*. 19(19): 47-77.
- Northrup, D. (1995). *Indentured Labor in the Age of Imperialism, 1834-1922*. New York: Cambridge University Press.
- Seah, S.L. (2001). Perkembangan Sekolah Cina Di Sabah (1888-1970). *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Aidah Lukin. (2002). Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963). *Tesis Sarjana*. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial.
- Syaib Ahmed & Maureen De Silva. (2021). Sejarah Perburuhan: Sistem Perekrutan Buruh di Borneo Utara 1881-1941. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 6(1): 91-105.
- Tate D. J. (1996). Planting in Nineteenth Century Sabah and Sarawak. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 69(1), 37-63.
- Tregonning, K.G. (1958). *Under Chartered Company Rule*. Singapore: University of Malaya Press.
- Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Wong, D. T. K. (1998). *The Transformation of An Immigrant Society: A Study of The Chinese of Sabah*. London: Asean Academic Press.
- Wong, D. T. K. (2001). The Early Kapitan China In The Malaysian State of Sabah, 1887-1946. *Journal of Malaysian Chinese Studies*, 4: 113-128.
- Wong, D. T. K. (2005). *The Search for Modernity: Chinese in Sabah and English Education*. Singapore: Singapore University Press.